

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (SENTRAL)

TARIKH: 01 APRIL 2018

MUKA SURAT: 19

RM500,000 bina gelanggang futsal

PETALING JAYA - Kementerian Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesejahteraan Bandar (KPKT) meluluskan peruntukan sebanyak RM500,000 bagi melaksanakan pembinaan gelanggang futsal buat golongan belia di sekitar PPR Taman Medan Cahaya.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, kelulusan peruntukan itu adalah sejajar dengan usaha KPKT sebelum ini yang merangka satu dasar baharu di mana setiap rumah-rumah kos rendah perlu melibatkan golongan kanak-kanak, belia dan warga emas.

"Disebabkan itulah kita meluluskan peruntukan itu supaya golongan belia dapat

menikmati kemudahan untuk bersukan selepas ini," katanya selepas merasmikan Program Pendayaupayaan Komuniti sempena Sambutan Hari Anti Dadah Kebangsaan Peringkat Negeri Selangor 2017 di PPR Taman Medan Cahaya, kelmarin.

Mengulas lanjut, Noh yang juga Pengerusi BN Selangor memaklumkan, kerajaan negeri dilihat gagal membawa sebarang perubahan buat penduduk di kawasan itu walaupun telah memerintah selama 10 tahun.

Beliau berkata, Kerajaan Selangor hanya menuding jari kepada BN di atas kelemahan pentadbiran mereka namun tidak melaksanakan

sebarang perubahan di negeri ini.

"Mereka perlu pandang ke hadapan dan jangan hanya cari salah pihak lain sahaja.

"Walaupun kita pembangkang di Selangor, tapi kita lebih banyak membawa perubahan demi kesejahteraan rakyat," katanya.

Dalam pada itu, Noh berkata pihaknya juga telah meluluskan peruntukan di kawasan itu sebanyak RM13.5 juta termasuk dengan kerja-kerja pembaikan 16 unit lif di sini.

Beliau berkata, pihaknya memberi keutamaan dalam aspek pembaikan lif berikutan kemudahan itu merupakan medium perhubungan penduduk setempat.



Naib Ketua Umno Bahagian Petaling Jaya Selatan, Datuk Mutalif Abdul (lima, kanan) menerima sijil pelantikan sebagai Ikon Anti Dadah oleh Noh pada program tersebut.